



UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Berit@UTeM

www.utem.edu.my | Edisi Mac-Raya 2015



MOHE ENTREPRENEURIAL AWARDS
2012



AUTONOMOUS
UNIVERSITY
STATUS
2014
MOH AWARDS



Best
UNIVERSITY
AWARD
2013
EUROPE BUSINESS ASSEMBLY

Majlis
Iftar

2015 / 1436H



UTeM Serah Sumbangan Tabung Rohingya

3 Julai - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menyerahkan sumbangan Tabung Rohingya berjumlah RM10,000 kepada Pertubuhan Himpunan Lepasan Institusi Pendidikan Malaysia (Haluan) bertempat di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Kampus Induk Durian Tunggal.

Tabung berkenaan diserahkan oleh Pengurus Lembaga Pengarah UTeM Tan Sri Ahmad Zaidee Ladin kepada Setiausaha Agung Haluan Mohd Sabbri Md Yudin dan disaksikan Yang Dipertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob.

Naib Canselor UTeM Prof Datuk Dr Shahrin Sahib berkata tabung berkenaan telah dilancarkan tiga minggu lepas dan ia adalah sumbangan kakitangan dan pelajar universiti itu.

"Sumbangan ini adalah keprihatinan

warga UTeM dalam usaha meringankan beban dan kesengsaraan yang ditanggung pelarian Rohingya," katanya kepada pemberita selepas Majlis Iftar UTeM di sini.

Terdahulu seramai 54 anak yatim terdiri daripada kakitangan dan pelajar UTeM serta pelajar Sekolah Kebangsaan Belimbang Dalam Durian Tunggal di sini turut dirai dengan sumbangan Ihya Ramadan yang disampaikan Mohd Khalil.

Mohd Khalil yang juga merupakan Canselor UTeM telah berkenan meluangkan masa untuk berbuka puasa bersama lebih 1,000 orang warga universiti termasuk para pelajar.

Sementara itu, Dr Shahrin berkata UTeM sentiasa peka dan sedia menghulurkan

bantuan bagi menghadapi bencana atau musibah seperti banjir dalam pelbagai aspek terutama melibatkan bidang teknologi dan teknikal.

Katanya, Telaga Tiub merupakan teknologi yang digunakan UTeM bagi membantu bencana banjir di Kelantan baru-baru ini selain menghantar sukarelawan dalam kalangan kakitangan dan pelajar untuk membantu mangsa banjir.

Turut hadir adalah Pro Canselor UTeM Tan Sri Datuk Dr Johari Mat, Pro Canselor UTeM Datuk Wira Ismail Saleh, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), Timbalan-Timbalan Naib Canselor serta barisan pegawai kanan UTeM.

SIDANG EDITORIAL Berit@UTeM

Ketua Editor

Fazidah Ithnin

Wartawan

Zulfatria Abdullah

Reka Letak Grafik

Shahril Hazizi Abu Bakar

Jurufoto

Mohd Farid Supangi | Sumber Rasmi Universiti

Pengedaran

Mohamad Haffize Ramli



IHYA RAMADHAN SAMBUT KEDATANGAN BULAN BARAKAH

18 Jun – Bersempena kedatangan bulan Ramadhan yang mulia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyusun pelbagai program sebagai pengisian bermakna sepanjang bulan yang penuh barakah itu.

Menurut Pengarah Pusat Islam UTeM, Dr. Radzuan Nordin berkata, pihaknya telah memulakan persiapan dengan merancang pelbagai aktiviti melibatkan warga UTeM bagi mengimarahkan kedatangan bulan Ramadhan tahun ini.

Beliau berkata, antara pengisian dalam program Ihya Ramadhan UTeM yang diadakan adalah majlis iftar, solat sunat tarawikh, agihan bubur lambuk, qiamualail, tadarus, tazkirah, forum serta aktiviti-aktiviti berbentuk dakwah yang lain.

"Sememangnya menjadi amalan di UTeM ini pada setiap tahun melalui Pusat Islam UTeM untuk menganjurkan program-program sedemikian dan diharapkan penglibatan daripada seluruh warga UTeM termasuk pelajar sama seperti tahun-tahun sebelum ini" ujar beliau.

Menurut Dr. Radzuan, program tazkirah Ramadhan turut diadakan sepanjang bulan Ramdhan pada setiap hari bekerja selepas waktu solat Zohor bertempat di Masjid Sayyidina Abu Bakar Kampus Induk Durian Tunggal yang disampaikan oleh Naib Canselor, Timbalan - Timbalan Naib Canselor, Dekan-Dekan fakulti, Pengarah-Pengarah Pusat Tanggungjawab (PTj), pensyarah serta pegawai-pegawai dari Pusat Islam UTeM.

Selain itu, penyampaian sumbangan dan kepada golongan yang kurang berkemampuan seperti anak yatim dan fakir miskin turut akan diadakan semasa berlangsung Majlis Iftar bersama Yang di-Pertua Negeri Tun Mohd Khalil Yaakob yang juga merupakan Canselor universiti tersebut.

Beliau berkata, bagi memudahkan urusan pembayaran zakat fitrah kepada warganya, Pusat Islam UTeM telah membuka kaunter kutipan zakat sepanjang bulan Ramadhan di semua kampusnya termasuk Kampus Induk Durian Tunggal, Kampus Bandaraya Melaka dan Kampus Teknologi Ayer Keroh.

Salam Lebaran



PENGURUSAN TERTINGGI
UNIVERSITI

Dikesempatan ini saya ingin mewajahkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu wa Taala kerana diberikan keizinan dan segala kekuatan dalam menjalani ibadah sepanjang bulan Ramadhan seterusnya ditemukan dengan Hari Kemenangan "Aidilfitri". Semoga hubungan kasih sayang, silaturahim dan persaudaraan sesama umat Islam terus utuh dan kukuh. Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua.

YBHG. TAN SRI DATO' IR. DR. HAJI AHMAD ZAIDEE BIN LAIDIN
Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum w.b.t., Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Allahu Akbar, Allahu Akbar Allahu Akbar, Walillah hil Hamd Alhamdulillah, marilah kita menzahirkan rasa syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan hidayah dan keizinan-Nya juga sekali lagi pada tahun ini kita dapat menyempurnakan Rukun Islam ketiga dan menyambut kemenangannya dengan merayakan Aidilfitri dengan penuh rasa ketakwaan dan syukur.

Sempena hari lebaran ini, saya dan keluarga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya khasnya kepada warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka, para pembekal dan pemegang taruh dan seluruh Muslimin dan Muslimat. Semoga, penghayatan dan segala amalan yang dilaksanakan sepanjang bulan Ramadhan Al Mubarak dan Syawal yang mulia ini, dapat mengukuhkan lagi iltizam setiap warga UTeM untuk melakukan transformasi bagi merekayasa produktiviti dan memperkasakan kecemerlangan diri dan organisasi.

Mungkin sebahagian daripada kita tidak dapat meraikan Aidilfitri kerana tuntutan tugas yang telah diamanahkan. Laksanakanlah tugas dengan penuh rasa kesabaran, amanah serta tanggungjawab. Semoga pengorbanan ini mendapat balasan yang baik dari Allah S.W.T.

Marilah kita memanfaatkan hari perayaan sebegini dengan meneruskan amalan-amalan murni seperti tradisi ziarah-menziarahi supaya hubungan yang dingin dan retak sebelum ini dapat dipulihkan dan diperbaiki. Gunakanlah peluang sempena hari dan bulan baik ini untuk memperkasakan perpaduan dan ikatan muhibah seluruh rakyat berbagai agama dan bangsa. Kepada semua warga Universiti yang ingin pulan ke kampung halaman, rancanglah perjalanan dengan sebaik mungkin, patuhilah undang-undang jalan raya, pandu dengan cermat dan waspada bagi mengelakkan daripada berlakunya perkara yang tidak diingini. Semoga kita semua selamat sampai ke destinasi masing-masing dan selamat kembali ke tempat bertugas.

Ramadhan bakal beransur pergi,
Syawal menjelma di Aidilfitri,
Seikhlas hati menyusun jari,
Memohon dimaaf kekhilafan diri,

Salam Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin

PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
Naib Canselor



Selamat Hari Raya Aidil Fitri, Minal Aidin Wal Faidzin, Taqabballahu Minna Waminkum. Saya mohon maaf dari semua warga UTeM atas segala kesalahan. Terima kasih atas segala kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh dalam operasi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

Semoga Ramadhan yang telah berlalu dapat mengukuhkan nilai-nilai teras yang tersemat dalam pernyataan strategik universiti. Marilah sama-sama kita jadikan 'Sangkar Kerja' Ramadhan sebagai asas dan rujukan untuk memantapkan lagi gerak kerja dan pencapaian UTeM.

PROF. DR. MOHD RAZALI BIN MUHAMAD
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)



Salam Lebaran



PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI

Assalamualaikum wrb brt dan
Salam Sejahtera,

RAMADHAN KAREM...



Sempena bulan Ramadhan yang penuh rahmat pintu langit terbuka luas untuk hamba Allah S.W.T bermunajat. Semoga amal ibadat kekal dipertingkat bersama rahmatNya.

Kini AIDILFITRI menjelang tiba... Salah dan silap tutur kata, bait bicara yang penuh makna, salam dihulur maaf dipinta kepada warga UTeM semua. Kepada perantau di desa dan kota semoga selamat sampai ke destinasi dan berhati-hati di jalan raya.

Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri,
Maaf Zahir dan Batin.

PROF. IR. DR. MOHD. JAILANI BIN MOHD. NOR
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan & Inovasi)

Saya dan semua staf dari Pejabat Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti) dengan ingatan tulus ikhlas mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga UTeM. Semoga Syawal ini memberi rahmat kepada kita semua dengan terjalinnya sillaturahim antara kita, bersama ahli keluarga dan sanak-saudara. Berhati-hatilah memandu ketika pulang ke kampung halaman.

Ramadhan berlalu Syawal berganti
Takbir raya menggantit hati
Maaf dipinta seikhlas naluri
Semoga Aidilfitri memberi erti

Salam Aidilfitri,
Maaf Zahir & Batin

**DATUK PROF.
DR ZOLKEPLI BIN BUANG**
Penolong Naib Canselor
(Pembangunan Dan Pengurusan Fasiliti)



Syukur ke hadrat llahi kerana dengan limpahan rahmat dan ehsanNya juga kita dapat bersama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini. Mudah-mudahan puasa dan segala amal ibadah kita sepanjang bulan ramadhan tahun ini diterima dan diberi ganjaran pahala berlipat-ganda oleh Yang Maha Esa. Mudah-mudahan juga kita dikembalikan kepada fitrah insaniah yang bersih jiwa dan suci hati serta sihat tubuh dan minda.

Gemersik takbir mengundang hiba,
Setulus tasbih serta doa panjatkan,
Syawal dinanti menjelang tiba,
Salam dihulur mohon dimaafkan.

PROF. MADYA DR. IZAIDIN BIN ABDUL MAJID
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar)



Kehidupan kita tidak sempurna dan sering melakukan kesilapan serta kesalahan. Kesempatan yang ada ini, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga UTeM yang beragama Islam. Saya juga menyusun 10 jari memohon kemaafan daripada semua sekiranya ada salah dan silap sama ada secara sengaja dan tidak disengajakan. Tiada yang lebih diharapkan selain mendapat kemaafan daripada anda semua. Itulah antara tanda kemenangan di Aidilfitri dan ia sungguh bermakna, InsyaAllah.

DATUK HASAN BIN SIRUN
Pendaftar

Salam Lebaran



PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI

Assalammualaikum w.b.t. & Salam Satu Malaysia.

Alhamdulillah atas limpah rahmat dan kasih sayangNya jua, kita masih diberi kesempatan oleh Allah SWT untuk berjumpa di Ramadhan tahun ini. Semoga kita semua dapat mengambil peluang yang tersedia ini untuk meningkatkan taqwa kepada Allah swt dan semoga dipanjangkan umur untuk bertemu dengan Ramadhan yang akan datang.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan "Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir & Batin" kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Semoga Aidilfitri ini membawa seribu makna serta kemenangan kepada kita sebagai umat Islam.

Gemersik takbir mengundang hiba
Rahmat dan maghfirah sentiasa didamba
Syawal dinanti menjelang tiba
Salam diutus kemaafan dipinta

EN. KHAIRUL BIN TAIB
Bendahari



Dalam kerendahan hati tentu ada ketinggian pekerti
Dalam kemiskinan harta tentu ada kekayaan jiwa
Dalam kelembutan lidah tentu ada kekasaran bicara
Dalam gurau senda tentu ada khilaf dan dosa
Dalam pandang tegur tentu ada terguris rasa

Marilah kita sambut lebaran
Hari gembira hari kebesaran
Titip maghfirah rintis keberkatan
Semoga hidup dipayungi rahmat Tuhan
Akhirat nanti diberi pandangan ehsan
Oleh Tuhan Raja Sekalian Alam
Di dunia akhir kita mendapat balasan....Amin

Salam Aidilfitri
Maaf Zahir & Batin

EN. AZHAR BIN MOHAMED
Penasihat Undang-Undang



Gemersik takbir mengundang hiba, Syawal dinanti menjelang tiba. Cahaya Ramadhan berlalunya pergi. Jari ku susun tangan dihulur di hari Raya Aidilfitri mulia memohon keampunan kemaafan zahir dan batin. Jika dalam kelembutan lidah ada ketelanjuran kata tersilap bicara yang berbekas lara dihati. Termarah yang tak kena dan tersulut bertanya yang tak sengaja dan berkaitan. Terpukul di mana-mana. Terpinjam terambil harta yang bukan ku miliki. Agar Allah mengetuk pintu hati untuk memaafkan kesilapan ku yang tak disengajakan dan disedari. Semoga ikatan persahabatan kekal abadi.

SELAMAT HARI RAYA AIDIL FITRI

HAJAH FARIDAH BINTI HJ MD AMIN
Ketua Pustakawan

MAJLIS PROFESOR UNIVERSITI

Semua warga UTeM saya
ingin mengucapkan
Selamat Menyambut
HARI RAYA AIDIL FITRI,
MAAF ZAHIR BATIN
Syawal 1436H



PROF. DATUK DR. MOHD RUDDIN BIN AB. GHANI
Pengerusi
Majlis Profesor Universiti

Salam Lebaran



DEKAN-DEKAN UNIVERSITI

Assalammualaikum w.b.t.



Alhamdulillah di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri 1436H kepada seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terutamanya warga Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), mudah-mudahan kita semua dapat merayakan Hari Kemenangan ini dengan riang gembira. Di kesempatan ini juga, saya ingin menyusun sepuluh jari memohon kemaafan sekiranya ada salah dan silap sepanjang tempoh menerajui Fakulti. Semoga hari raya pada kali ini membawa seribu kebahagiaan kepada kita semua.

"Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir & Batin". Wassalam.

PROF. DR. ABDUL RANI BIN OTHMAN
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan
Kejuruteraan Komputer

Assalammualaikum w.b.t.



Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan Salam Aidil Fitri buat semua warga UTeM khususnya kepada warga FKP. Semoga segala amalan yang dilaksanakan sepanjang Ramadhan ini mendapat rahmat dan keberkatan Allah. Di kesempatan ini, saya memohon kemaafan kerana dalam kelembutan lidah ada juga ketelanjuran kata, dalam gurau dan senda tentu ada khilaf dan dosa.
Salam Aidil Fitri Al-Mubarak.

PROF. MADYA DR. MOHD RIZAL BIN SALLEH
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Sempena dengan bulan Syawal yang mulia ini saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka, khususnya staf di Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Semoga Hari Raya tahun ini memberi kebahagiaan dan kegembiraan kepada kita semua.

Tangan dihulur maaf dipinta,
Erat hubungan sesama kita,
Semoga gembira di hari yang mulia ini,
Salah dan silap harap dimaaf,
Selamat Hari Raya Aidilfitri,
Maaf Zahir dan Batin.

ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Assalamualaikum Wrt. Wbt.

Bersempena Aidilfitri 1436 H, saya dan warga FKM mengucapkan Selamat Hari Raya kepada warga UTeM. Semoga kita semua beroleh keberkatan dari Allah SWT hasil dari Ramadhan yang telah dijalani. Dan juga Syawal yang menjelma ini bakal menciptakan sejuta keceriaan kepada kita semua. Kepada yang pulang ke kampung, hati-hati di jalan raya.

Sinar Aidilfitri menjelma lagi
Meriah berkumpul di pagi hari
Tangan menyusun sepuluh jari
Ambil kesempatan bersama famili

Awal Syawal rai kemenangan
Umat Islam saling berkunjungan
Tahmid bertakbir erti ketenangan
Selamat Menyambut Hari Lebaran



ENGR. PROF. MADYA DR. NOREFFENDY BIN TAMALDIN
Dekan
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Salam Lebaran



DEKAN-DEKAN UNIVERSITI

Alhamdulillah, dipanjatkan kesyukuran kehadiran Allah SWT dengan limpah kurnianya setelah menempuh pelbagai ujian kesabaran dan amal ibadat dalam bulan Ramadan Al-Mubarak, hari kebesaran yang ditunggu oleh seluruh umat Islam telah hamper tiba. Sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri 1436H saya menyusun sepuluh jari memohon kemaafan seandainya terkasar bahasa dan perbuatan terutama kepada warga FTMK, warga UTeM, para pemegang taruh dan semua pihak yang mengenali saya. Bagi yang pulang berhari raya dikampung, pandulah dengan berhati-hati, ingatlah orang yang tersayang yang menunggu di kampung halaman.

Ramadan bakal beransur pergi
Syawal menjelma di Aidilfitri
Seikhlas hati menyusun jari
Mohon dimaaf kekhilafan diri

Salam Aidilfitri, maaf zahir & batin



PROF. DR BURAIRAH BIN HUSSIN
Dekan
Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi



Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. di atas limpah kurniaNya serta rezeki yang dicurahkan, kasih dan sayangNya mengizinkan kita semua untuk bertemu Ramadhan kali ini dan seterusnya menyambut lebaran Aidilfitri pada tahun ini.

Sungai disusur sehari-hari
Dalam gelap menangkap ikan
FPTT menyusun sepuluh jari
Salah dan silap harap dimaafkan

Mohon Ampun & Maaf daripada warga FPTT
Selamat Hari Raya Aidilfitri & Semoga Silaturahim diberkati Allah.

DR. MOHD SYAIFUL RIZAL BIN ABDUL HAMID
Dekan
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan



Assalamualaikum wrt. wbt.

Alhamdulillah, Ramadhan akan pergi meninggalkan kita dan In sha Allah, Syawal akan menjelma pula. Oleh itu sambutlah Syawal dengan penuh kesyukuran dan bermaaf-maafan di antara kita bagi mengikatkan tali silaturahim sesama insan. Di kesempatan Syawal ini juga, jangan lupa kepada penderitaan umat Islam di seluruh dunia yang memerlukan perhatian kita semua.

Sempena Syawal tahun ini, saya berserta keluarga dan seluruh warga FTK mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan Maaf Zahir Batin

PROF. MADYA MOHD RAHIMI BIN YUSOFF
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan



الله أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَالله أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلَلَّهِ الْحَمْدُ

Salam Aidilfitri penuh keikhlasan dari saya, warga IPTK dan seluruh ahli keluarga kami.

Jutaan kemaafan dari kami, andai terdapat kekhilafan antara kita, lantas terkasar bahasa, tersilap kata, dan terguris rasa di lubuk sukma.

Halalkan segala juadahan makanan & minuman. Semoga Aidilfitri kali ini penuh dengan keberkatan kasih sayang Allah dan memberi 1001 makna buat kita semua, Ameen...

SALAM AIDILFITRI, MAAF ZAHIR & BATIN

PROF. MADYA DR AHMAD ROZELAN BIN YUNUS
Dekan
Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan

Salam Lebaran



DEKAN-DEKAN
UNIVERSITI

Mata kadang salah melihat, Mulut kadang salah berucap,
Telinga kadang salah mendengar, Hati kadang salah
menduga. Maafkan segala kekhilafan, Mohon maaf zahir
dan batin.

Yang singkat itu waktu, yang dekat itu mati, yang besar
itu nafsu, yang berat itu amanah, yang sulit itu ikhlas, yang
mudah itu berbuat dosa. Maafkan segala kekhilafan. Mohon
maaf zahir dan batin.

Harta paling berharga adalah sabar. Teman paling setia
adalah amal. Ibadah paling indah adalah ikhlas. Tingkat
paling tinggi adalah iman. Pekara paling berat adalah saling
memaafkan.

Minal 'Aidin Wal Faidzin,
Mohon Maaf Zahir Batin &
nyuwun ngapuro lahir lan batin
kepada semua warga UTeM



**PROF. MADYA
DR. ZULKIFILIE BIN IBRAHIM**
Dekan
Pusat Pengajian Siswazah



Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT dengan limpah
kurniaNya, kita dapat melaksanakan ibadah sepanjang
bulan Ramadhan Al-Mubarak ini.

Di kesempatan ini, saya ingin memohon jutaan kemaafan
sekiranya ada salah dan silap sepanjang saya menjalankan
tugas dan amanah di PBPI dan UTeM. Akhir kalam, saya
dan semua staf PBPI ingin mengucapkan Selamat Hari
Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin kepada seluruh warga
UTeM.

DR. ZAWIAH BINTI MAT
Dekan
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

Salam Lebaran



PENGARAH-PENGARAH
UNIVERSITI



Dalam kelembutan ada keterlanjuran kata..Dalam gurau & senda tentu ada khilaf & dosa... MOHON AMPUN & MAAF DI ATAS SEGALANYA...

Selamat Hari Raya Aidilfitri..Moga silaturrahim diberkati Allah

Ramadhan telah ditinggalkan, menjelma Syawal..Aidilfitri disambut..Selamat Hari Raya Aidilfitri 1436 H. Bersua lagi di Ramadhan akan datang..Maaf Zahir dan Batin

LAr. ABDUL WAHAB BIN HARUN
Pengarah
Pejabat Pembangunan

HAIKU SYAWAL PENERBIT

Ramadan Karim
Bulan Berkat ibadah
Gandakan doa

Puasa sebulan
Melentur Muslim kental
Madrasah diri

Syawal menjelang
Ampun maaf kumohon
Salam Penerbit

MAAF, ZAHIR BATIN DARIPADA KELUARGA PENERBIT

PROF. DR. AHMAD ZAKI BIN A BAKAR
Pengarah
Penerbit Universiti



Assalamualaikum w.b.t.

Saya, Mohd Isa bin Mohd Dom, Ketua Pegawai Maklumat, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) dengan ini mewakili seluruh warga Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terutama sekali kepada mereka yang beragama Islam. Semoga Aidilfitri yang bakal tiba memberi 1001 kerahmatan buat semua.

Mohon kemaafan untuk segala-galanya &
Selamat Hari Raya

EN. MOHD ISA BIN MOHD DOM
Ketua Pegawai Maklumat
Pusat Perkhidmatan Pengetahuan
Dan Komunikasi



Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar....Alhamdulillah segala pujian bagi Allah swt Pencipta Alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad saw. Sebulan kita dalam madrasah Ramadan diharapkan segala amalan kita diterima oleh Allah SWT seterusnya mencapai matlamat puasa iaitu menjadi orang yang bertakwa. Di kesempatan ini, saya mewakili Pusat Islam mengucapkan selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga UTeM. Mohon kemaafan atas segala salah dan silap semasa berurusan. Semoga dipanjangkan umur untuk bertemu Ramadan lagi pada tahun hadapan. Amin

Pergi mengaili di Sungai Kelantan
Allah tempat kita berserah
Sekali lagi kehilangan Ramadan
Semoga kembali kepada fitrah

DR. RADZUAN BIN NORDIN
Pengarah
Pusat Islam



Salam Lebaran



PENGARAH-PENGARAH
UNIVERSITI

Assalamualaikum wbt,

Segala puji bagi Allah serta selawat dan salam buat Rasulullah.

Sambutlah Syawal dalam keadaan kita seperti di sepanjang Ramadan, tunduk bertaqwa dalam suasana beribadat kepada Allah. Hiasilah siang dan malam Aidilfitri dengan tahlil, tahmid dan takbir. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam keberkatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Akhir ucapan, Taqabbalallahu minna waminkum.

SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI.

PROF. DR. MOKHTAR BIN MOHD YUSOF
Pengarah
Pusat Pengurusan Strategik, Kualiti & Risiko



Bersempena menyambut kedatangan bulan Syawal yang akan tiba, di kesempatan ini ingin saya memohon maaf kepada seluruh warga UTeM andai terdapat kekhilafan diri yang menyinggung perasaan semua.

Sejalan dengan berlalunya Ramadan tahun ini,
Kemenangan akan kita gapai,
Dalam kerendahan hati ada ketinggian budi,
Dalam kemiskinan harta ada kekayaan jiwa,
Dalam kesempitan hidup ada keluasan ilmu,
Hidup ini indah jika segalanya kerana Allah S.W.T

PROF. DR.
NANNA SURYANA HERMAN
Pengarah
Pejabat Antarabangsa



PN. FAZIDAH BINTI ITHNIN
Pengarah
Pejabat Pengurusan & Perhubungan Canselor

Assalamualaikum wbt.

Selamat Hari Raya Aidilfitri 1436H kepada semua warga UTeM. Semoga Syawal ini dapat kita sambut dengan syukur sentiasa. Moga dapat kita bertemu kembali dengan Ramadhan yang akan datang. Maaf Zahir dan Batin atas segala ketelanjanuran dalam komunikasi sehari-hari. Kala Ramadhan, Ibadah digandakan, Tika Syawal, penuh keceriaan, Riang-ria disulam dengan kesyukuran, Kemesraan dijalin dengan kemaafan.

Salam Syawal 1436H,
Berhati-hati di Jalanraya.

PROF. MADYA DR.
JARIAH BINTI MOHAMAD JUOI
Pengarah
Pejabat Perancangan
& Pembangunan Akademi



Salam Lebaran



PENGARAH-PENGARAH UNIVERSITI

Syukur ke hadrat Ilahi, sempena lebaran yang mulia ini, saya & seluruh warga PSTP ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri buat semua warga UTeM.

Di samping kita meraikan Aidilfitri, kita hendaklah sentiasa berhati-hati dan saling ingat mengingati bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini.

Ramadhan bakal beransur pergi,
Syawal menjelma di aidilfitri,
Seikhlas hati menyusun jari,
Memohon dimaaf kekhilafan diri,
Salam Aidilfitri, maaf zahir batin.

Kepada seluruh warga UTeM, sinarilah lebaran ini dengan penuh keceriaan.

**PROF. MADYA DR.
SAZILAH BINTI SALAM**
Pengarah
Pusat Sumber &
Teknologi Pengajaran



Saya dan semua staf PPP dengan ingatan tulus ikhlas mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga UTeM. Selamat pulang ke kampung halaman dan berhati-hati disepanjang perjalanan. Kami mendoakan semoga kita semua dalam rahmat Allah dan beroleh kebahagian dunia dan akhirat. Insya Allah.

TAHMID DAN TAKBIR RAI KEMENANGAN,
SANAK SAUDARA SALING BERKUNJUNGAN;
UCAPAN DIBERI TANDA INGATAN,
SELAMAT MENYAMBUT HARI LEBARAN.

**PROF. MADYA DR. SYED NAJMUDDIN
BIN SYED HASSAN**
Pengarah
Pusat Pengajaran & Pembelajaran



Dikesempatan ini saya sekeluarga bersama warga CRIM ingin mengucapkan 'Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin' kepada semua Warga UTeM, staf dan juga pelajar. Semoga Aidilfitri 2015 ini memberikan sinar kebahagiaan kepada kita semua. Berhati-hati ketika pulang ke kampung, pandu cermat jiwa selamat.

PROF. MADYA DR. BADRUL HISHAM BIN AHMAD
Pengarah
Pusat Pengurusan Penyelidikan
Dan Inovasi (CRIM)



Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin,
Taqabbalallahu Minna Wa Minkum

IR. DR. MD. NAZRI BIN OTHMAN
Pengarah
Pusat Pembangunan Komuniti dan I-CoE

Salam Lebaran



PENGARAH-PENGARAH UNIVERSITI



Selamat Hari Raya Aidilfitri. Maaf Zahir dan Batin. Di kesempatan ini saya dan rakan sepejabat ingin memohon ampun dan maaf di atas keterlaluan kata serta salah dan silap sepanjang kami melaksanakan tugas.

Semoga amalan baik kita diterima Allah sepanjang Ramadhan ini dan diberikan kesihatan dan keselamatan serta rezeki agar kita dapat berjumpa lagi di Ramadhan akan datang.

Sekian, wassalam.

EN. MOHD AMIN BIN MOHAMAD
Pengarah
Pusat Bimbingan Kerjaya Dan Keboleh pasaran, PJIM



Jamu Iftar durian serawa,
Rakan taulan warga semuanya,
Qiamu Ramadhan menuntun jiwa;
Abadikan kesan korban jayakannya.

Putus Kelestarian dan Alam Sekitar,
Sanaf warganya hanya berlima,
Santun terkurang khilaf terkasar;
BermAAF-maafan kita bersama.

PROF. MADYA ENGR. JUHARI BIN AB RAZAK
Pengarah
Pusat Kelestarian Dan Alam Sekitar

Assalamu 'alaikum wrt.wbt. & Salam sejahtera

Alhamdulillah dengan izin dan limpah rahmat Allah SWT, warga UTeM sekali lagi dapat menyambut kedatangan bulan syawal yang mulia setelah satu bulan kita berpuasa dengan penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT. Di kesempatan ini saya dan seluruh staf Polis Bantuan UTeM menyusun sepuluh jari mohon ampun dan maaf jika terdapat sebarang kesilapan tanpa di sedari yang telah menyinggung perasaan. Saya mewakili Pegawai dan anggota Polis Bantuan UTeM mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin, Pandu Cermat Jiwa Selamat Dan Keselamatan Adalah Tanggungjawab Kita Bersama.

SUPT/PB AFFINDI BIN ABU BAKAR
Pengarah
Pejabat Keselamatan



Saya mewakili warga PKKP ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidul Fitri, Maaf Zahir & Batin kepada seluruh warga UTeM. Semoga keberkatan Ramadhan dan Syawal akan lebih mendekatkan diri kita dengan Allah sebagaimana firman Allah "Dan supaya kamu cukupkan bilangan puasa sebulan Ramadhan dan supaya kamu membesarakan Allah dengan Takbir dan Tahmid kerana mendapat petunjukNya dan supaya kamu bersyukur (al-Baqarah:185).

Jika budi dipenuhi ikhlas,
Jangan ia disulam tuba,
Jika ada salah yang belum dibalas,
Harap diampun di hariraya.

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI,
MAAF ZAHIR DAN BATIN.

EN. AZWAN BIN AZIZ
Pengarah
Pejabat Keselamatan
Dan Kesihatan Pekerjaan



Salam Lebaran



PEMIMPIN PERSATUAN UNIVERSITI

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh

Selaku Pengurus Puspanita Cawangan UTeM, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memohon ampun dan Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh warga universiti ini amnya, dan kepada semua ahli-ahli Puspanita Cawangan UTeM, khasnya. Saya berdoa agar segala amal ibadah yang kita sama-sama laksanakan di sepanjang bulan Ramadhan ini di terima oleh Allah SWT serta mendapat rahmat dan keampunan dariNYA.

Semoga kemeriahkan bulan Syawal ini dapat diraikan bersama keluarga yang tersayang, kaum kerabat, sahabat handai, serta jiran tetangga, dan mendapat keberkatan dan keredaan Allah SWT, insyaAllah.

SELAMAT HARI RAYA
AIDIL FITRI 1436 H.
MINAL AIDIL WAL FAIDZIN
MOHON MAAF ZAHIR DAN BATIN.

WANITA SEPAKAT,
NEGARA MENINGKAT

DATIN FADZILAH BINTI SALIM
Pengerusi
PUSPANITA



Selamat Hari Raya Aidilfitri 1436H, Maaf Zahir dan Batin.

JAMAL ABD. NASIR BIN ABD. WAHAB
Presiden
Kesatuan Kakitangan Am UTeM (KEKUTeM)

Bismillahir rahmanir rahim.....

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera....

Alhamdulillah, syukur kehadrat ilahi kita diberi kesempatan lagi untuk menuaikan ibadah puasa di bulan Ramadhan 1436H ini dari mula hingga ke akhirnya. Sebulan sudah kita berpuasa, tiba masanya menyambut hari kemenangan iaitu Hari Raya Aidilfitri pada 1 Syawal 1436H.

Dikesempatan ini, saya dan seluruh Ahli Jawatankuasa Badan Kebajikan Staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (BAKUTeM) ingin mengucapkan "Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin" kepada seluruh warga universiti.

ZAINAL BIN BIDIN
Pengerusi
Badan Kebajikan
Staf UTeM (BAKUTeM)



Kesempatan ini, saya menyeru kepada mahasiswa-mahasiswa UTeM untuk saling bermaafan antara satu sama lain serta menzhirkan kejernihan ukhwah, semoga Syawal ini menjadi saksi kepada keharmonian, keikhlasan dan kejujuran antara warga universiti. Saya juga berharap seluruh warga UTeM agar sentiasa menjaga adab tatasuila dan keselamatan diri dalam kegembiraan menyambut lebaran ini.

Sekian, salam Lebaran.

MOHD KHAIRUL NIZAM BIN SUHAIMIN
YDP Majlis Perwakilan Pelajar



SAMSUNG MALAYSIA PILIH UTeM TUBUH AKADEMI INTERNET OF THINGS (IOT)



1 April - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terus mengorak langkah dalam memperkuatkkan jalinan kerjasama industri apabila menjadi pilihan Samsung Malaysia sebagai rakan kerjasama dalam penubuhan Akademi Samsung Internet of Things (IOT).

Penubuhan akademi itu bakal memperlihatkan komitmen UTeM memupuk perkongsian yang berkesan dan berterusan antara ahli akademik, industri dan masyarakat yang akan melahirkan graduan berkemahiran tinggi dan memenuhi kehendak industri.

Menurut Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, Akademi UTeMSamsung IOT yang akan berpusat di Kampus Teknologi Ayer Keroh itu akan dilengkapi dengan teknologi terkini Samsung yang bakal merevolusikan pembelajaran digital dalam sektor pendidikan Malaysia dan seterusnya melonjakkan kemajuan teknologi dan inovasi.

"Sebagai sebuah universiti teknikal awam pertama yang mengkhusus dalam bidang teknikal, UTeM berterima kasih kepada Samsung Malaysia yang telah memberi kepercayaan kepada kami dalam merintis penubuhan akademi ini yang merupakan contoh bagaimana kepakaran ahli akademik dan industri dapat menyumbang kepada pembangunan negara" jelas beliau.

Katanya lagi, kerjasama itu adalah tepat pada masanya iaitu ketika UTeM dalam rangka memperkasa potensi komuniti dan industri sepetimana yang digariskan dalam Pelan Strategik UTeM 2012-2020.

"Penubuhan Akademi UTeMSamsung IOT yang pertama di negara ini akan menyaksikan satu lagi cabang teknologi pendidikan ditawarkan oleh UTeM untuk melengkapkan pelajar dengan kemahiran teknologi seperti pembelajaran digital, teknologi maklumat, komunikasi berkesan dan penyelesaian masalah menggunakan teknologi Samsung



sekaligus mengiktiraf kedudukan UTeM sebagai pusat kecemerlangan dalam pemindahan pengetahuan dan kepakaran antara universiti dan industri" ujar beliau.

Jelas beliau lagi kerjasama itu akan meletakkan UTeM ke tahap yang lebih tinggi sejajar dengan visi dan wawasannya untuk menjadi sebuah universiti teknikal terkemuka yang inovatif dan kreatif.

Majlis perasmian penubuhan Akademi UTeMSamsung IOT itu telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan II Datuk Seri Idris Jusoh di Kampus Teknologi, UTeM. Turut hadir Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Melaka Datuk Wira Md Yunos Husin, Presiden Samsung Malaysia Lee Sang Hoon, Pengurus Lembaga Pengarah Universiti Tan Sri Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee Ladin, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid dan barisan pengurusan kanan universiti.



KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR UTeM BAKAL BERI KESELESAAN

2 April - Pembinaan kolej kediaman di dalam kampus induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka dilihat bakal memberi kemudahan dan keselesaan kepada para pelajarnya.

Pembinaan kolej kediaman pelajar berkapasiti seramai 5000 orang itu akan melibatkan kos berjumlah RM180 juta dan dibina dengan menggunakan inisiatif pembiayaan swasta dan ianya mampu memberi sumbangan besar kepada pembangunan universiti khususnya dalam membantu UTeM melahirkan modal insan terlatih dan berkemahiran tinggi yang akan memberi sumbangan besar kepada pembangunan sektor industri dan perkilangan di negara ini.

Menurut Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti) UTeM Prof. Datuk Dr. Zolkepli Buang berkata, pembinaan kolej kediaman secara konsesi itu melibatkan pembangunan kolej kediaman pelajar sepuluh tingkat sebanyak lima blok termasuk pejabat pentadbiran, lima unit kediaman pengetua kolej kediaman, sepuluh unit kediaman penyelia asrama, kafeteria yang boleh memuatkan 1,000 pelajar serta kemudahan gelanggang sukan.

Beliau berkata, pembinaan kolej kediaman yang dikendalikan oleh syarikat Nadi Cergas Sdn Bhd itu akan siap dalam tempoh 2 tahun dan dijangka akan mula diduduki pada awal tahun 2017 nanti.

Majlis perasmian pecah tanah bersempena pembinaan kolej kediaman ini telah disempurnakan oleh Yang DiPertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob yang juga merupakan Canselor UTeM.

Turut hadir, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Idris Haron, Exco-Exco Kerajaan Negeri, Pro Canselor Tan Sri Datuk Dr. Johari Mat, Pro Canselor Datuk Wira Ismail Saleh, Penggerusi Lembaga Pengarah Universiti Tan Sri Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee Ladin, Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib, pengurusan kanan universiti serta Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan/Negeri.



UTeM PERTINGKAT KEMUDAHAN WARGANYA, VAN JENAZAH PERMUDAH URUSAN

10 Mac - Dalam usaha mempertingkatkan kemudahan kepada warganya, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengambil inisiatif untuk menyediakan perkhidmatan van jenazah muslim bagi urusan pengkebumian yang melibatkan pelajar dan staf universiti tersebut.

Menurut Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, sebelum ini universiti menggunakan van ambulan bagi urusan pengurusan jenazah, namun begitu dengan adanya van jenazah ini, urusan pengkebumian tersebut dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan cepat.

"Sebagai sebuah universiti teknikal yang sedang berkembang maju dengan jumlah pelajar dan staf yang mencapai hampir 15,000 orang, penyediaan van jenazah ini adalah selaras dengan tuntutan agama Islam yang mana ianya amalan fardhu kifayah yang bertujuan untuk memudahkan urusan pengangkutan dan pengkebumian melibat warga muslim universiti tersebut" ujar beliau ketika ditemui dalam Majlis Penyerahan Van Jenazah di Masjid Sayyidina Abu Bakar Kampus Induk UTeM disini pada Khamis lepas.

Beliau berkata, pihak pengurusan universiti bersetuju untuk memberi peruntukan kewangan bagi meningkatkan kemudahan dalam urusan pengkebumian termasuk urusan pengangkutan selain daripada bantuan kewangan dan khairat kematian. Van jenazah tersebut akan dikendalikan secara bersama oleh Bahagian Pengurusan Kenderaan Universiti dan Pusat Islam UTeM.



166 STAF UTeM TERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

25 Mei - Seramai 166 staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) sebagai penghargaan atas perkhidmatan cemerlang sepanjang tahun 2014 lalu.

Antara kriteria yang diambil kira dalam penganugerahan itu adalah berdasarkan penghasilan kuantiti dan kualiti kerja, kecekapan, inisiatif kerja, amalan budaya kerja cemerlang serta penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan.

Majlis yang telah diadakan di Dewan Besar UTeM Kampus Induk Durian Tunggal itu turut menyaksikan seramai 4 orang telah menerima Anugerah Jasa Bakti (AJB) sebagai pengiktirafan kepada staf yang telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam melebihi 20 tahun.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib ketika dalam ucapannya berkata majlis tersebut merupakan acara tahunan yang penting sebagai platform mengiktiraf dan menghargai kejayaan, pencapaian prestasi dan produktiviti kerja cemerlang yang telah disumbangkan oleh warga UTeM sepanjang tahun lalu.

"Setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada semua penerima APC yang telah menunjukkan prestasi membanggakan ini dan semoga mutu kerja dapat ditingkatkan lagi agar kecemerlangan dapat diteruskan serta menjadi contoh teladan kepada semua warga UTeM" ujar beliau.

Beliau berkata, dengan sokongan dan sumbangan semua warga UTeM yang sentiasa memberikan perkhidmatan terbaik telah menyaksikan universiti tersebut telah mencapai banyak kegemilangan dan kegemilangan dalam pelbagai bidang merangkumi bidang akademik, penyelidikan dan pembangunan, pembangunan pelajar, pengurusan serta kesukanan.

Antara pencapaian membanggakan diraih UTeM adalah penganugerahan status autonomi dari Kementerian Pendidikan, pengiktirafan oleh Dassaults Systemes, penubuhan pusat kecemerlangan akademik UTeM-Tokushima University, penubuhan Majlis Profesor UTeM serta pencapaian cemerlang penyelidik UTeM dalam espo penyelidikan dalam dan luar negara.

Salah seorang penerima APC ketika ditemui selepas majlis tersebut, Penolong Pendaftar Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselor, Mohd Rady Karim melahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada pihak universiti diatas penganugerahan tersebut.

Menurut Mohd Rady, anugerah yang diterima itu akan menjadi dorongan kepada beliau untuk terus menyumbangkan idea dan memberi perkhidmatan yang lebih cemerlang pada masa hadapan dalam merealisasikan visi universiti untuk menjadi universiti teknikal yang terunggul di negara ini.



utem_moment

UTeM Official Instagram Whi


173 posts 2,143 follower



FOLLOWING ▾



Following



UTeM PERKASA PENGGUNAAN TULISAN JAWI

13 Mei - Dalam usaha untuk mempertabatkan penggunaan tulisan jawi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah mengambil langkah proaktif bagi memastikan tulisan tersebut terus kekal sebagai khazanah dan warisan bangsa di negara ini.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib berkata, pengurusan universiti itu telah bersetuju untuk memperkenalkan penggunaan tulisan jawi di semua premis-premis yang terdapat di sekitar kampus UTeM.

Beliau berkata, penggunaan tulisan jawi itu melibatkan beberapa papan tanda nama premis di semua bangunan pentadbiran, fakulti-fakulti, perpustakaan, kolej kediaman yang terdapat di Kampus Induk Durian Tunggal, Kampus Bandaraya Melaka dan Kampus Teknologi Ayer Keroh.

"Penggunaan tulisan jawi ini juga merupakan inisiatif oleh pihak universiti dalam usaha untuk mengekalkan tulisan tersebut sebagai warisan dan khazanah negara terutamanya dikalangan generasi muda khususnya pelajar-pelajar UTeM berbangsa Melayu" ujar beliau.

Beliau berkata, walaupun dilihat langkah ini dilihat kecil namun ianya mampu memberi impak besar untuk memperkasakan tulisan jawi di kalangan generasi muda supaya golongan berkenaan mampu menguasai dengan

baik tulisan itu sekaligus memastikan khazanah Melayu yang tidak ternilai itu terus relevan dalam abad ke-21.

"Penggunaan tulisan jawi ini akan terus dipertingkatkan dan dilaksanakan secara berperingkat. Insya Allah, UTeM akan memperluaskan penggunaan tulisan ini di papan tunjuk arah, kepala surat, bas-bas universiti serta pada majlis rasmi universiti" ujar beliau.

Langkah itu juga adalah sebagai menyahut seruan daripada Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Idris Haron dan Kerajaan Negeri yang mahukan penglibatan semua pihak terutamanya institusi pe-ngajian tinggi (IPT) dalam usaha memperkasakan penggunaan tulisan jawi di negeri itu.



PROGRAM INFaq SALE UTeM CAPAI MATLAMAT

24 Jun - Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan program Infq Sale 2015 bertempat di Kampus Induk Durian Tunggal baru-baru ini.

Program tersebut telah berjaya menarik penyertaan seramai 20 orang usahawan sekitar negeri ini yang menjual pelbagai jenis barang dan keperluan termasuk makanan serta minuman.

Pengurus Program Infq Sale 2015 Nor Hafeizah Hassan berkata program tersebut diadakan bertujuan untuk mengumpul dana bagi membantu anak yatim dan golongan yang kurang berkemampuan dalam menempuh bulan Ramadhan tahun ini.

Selain itu, program itu juga bermatlamat untuk melestarikan budaya keusahawanan dikalangan warga UTeM serta menanam semangat prihatin dan cakna terhadap golongan kurang bernasib terutamanya menjelang bulan Ramadhan.

"Alhamdulillah, sambutan yang diberikan oleh warga UTeM terhadap program ini amatlah menggalakkan dan

gerai-gerai yang terdapat disini seperti gerai jualan buku, cenderamata, pakaian muslimah, buah-buahan, kraftangan serta makanan menjadi tumpuan dikalangan pengunjung" ujar beliau.

Beliau berkata pihak urusetia sangat berpuas hati terhadap penganjuran program pada kali ini yang telah berjaya mencapai matlamatnya dan hasil kutipan daripada jualan ini akan disalurkan kepada anak yatim dan golongan kurang berkemampuan yang telah dikenalpasti oleh pihak urusetia.





Dr. Radzuan bin Nordin
Pengarah Pusat Islam

YA ALLAH, SUKARNYA MENDIDIK DIRI, MEMBASUH JIWA

Menjadi fitrah kita seorang manusia, yang lemah lagi lupa, untuk melakukan pelbagai dosa, samaada besar atau kecil mahupun dalam keadaan sedar atau tidak. Mungkin setiap hari kita tidak terlepas daripada melakukan dosa dan maksiat kepada Allah SWT. Kadang-kadang, jika difikirkan, begitu hinanya menjadi seorang manusia yang merupakan hamba Allah SWT. Dengan pelbagai nikmat yang Allah SWT sediakan dan kurniakan kepada kita, namun apa yang dibalas oleh kita ialah banyak melakukan dosa dan maksiat kepada-Nya. Astaghfirullah Al-'Azim.

Pun begitu, Allah SWT tidak membiarkan manusia asyik dengan dosa-dosa mereka. Diutuskan kepada kita Nabi Muhammad SAW, untuk membetulkan diri kita, untuk mendidik diri-diri manusia. Baginda Rasulullah SAW membawa ajaran Al-Quran yang antaranya bertujuan mengajarkan manusia bagaimana untuk mendidik diri dan menyucikan jiwa. Baginda SAW sendiri menjadi contoh tauladan yang paling sempurna kepada manusia dalam mengajarkan cara-cara untuk mentarbiyah diri dan membasuh jiwa. Lihatlah, bagaimana berjaya Baginda Rasulullah SAW dalam mendidik diri para sahabat, yang ada dikalangan mereka ketika zaman jahiliyyah adalah seorang manusia yang paling jahat dan hina, namun hasil asuhan Rasulullah SAW, mereka menjadi pejuang Islam yang hebat dan mulia.

Hakikatnya, kini Baginda Rasulullah SAW sudah tiada untuk membimbang kita secara lansung dalam urusan mendidik jiwa. Yang ada hanyalah dua perkara yang sangat besar, yang diwariskan Rasulullah SAW kepada kita semua. Al-Quran dan As-Sunnah. Inilah dua sumber yang digunakan untuk mendidik diri para sahabat dahulu, dan dua sumber inilah juga yang ditinggalkan untuk menjadi panduan kita semua, ummat akhir zaman. Jika diperhatikan dan ditadabbur secara menyeluruh, maka kita akan dapat banyak sekali ayat-ayat Al-Quran dan juga Hadis-hadis yang mengajarkan manusia jalan-jalan untuk mendidik diri dan membasuh jiwa. Lebih daripada cukup untuk kitajadikan amalan dalam mentarbiyah diri kita ini.

Dalam dunia yang semakin dipenuhi fitnah dan dugaan yang semakin mencabar ini, begitu sukar sekali untuk diri ini mendidik jiwa, apatah lagi untuk menyucikan jiwa yang penuh dengan kotoran. Ya Allah, memang sukar sekali. Ada ketika, aku merasakan diri ini adalah seorang hamba yang baik, namun banyak masa diri ini bergelumang dengan kelagahan dan dosa-dosa. Saat berada di majlis ilmu, aku menjadi manusia yang penuh keinsafan, namun keluar sahaja aku terus lupa dan alpa. Saat berada bersama orang Alim dan Ahli Ibadat, aku begitu termotivasi untuk beramal, namun tatkala aku berasorangan, begitu berat sekali untuk melaksanakan perintah-MU.

Benarlah sekali Hadis Baginda Rasulullah SAW tentang hakikat diri manusia, di mana pada waktu pagi mereka beriman, namun petangnya mereka kufur. Ada pula yang waktu petangnya beriman, namun pada waktu pagi menjadi seorang yang kufur. Apabila memuhasabah diri pada hadis ini, Ya Allah, sukar untuk aku berlepas diri dari menjadi golongan itu. Betapa aku tidak mampu untuk mengekalkan momentum imanku di saat ia baik. Banyak sekali jalan-jalan yang mendorong ke arah kejahanatan, yang tumbuh bagi cendawan di dunia akhir zaman ini. Banyak sekali fitnah-fitnah dunia yang tidak mampu aku hadapinya.

Betapa aku sedar dan tahu bahawa diri ini perlu ditarbiyah, jiwa ini perlu disucikan. Setiap hari titik-titik hitam mula menutupi ruang-ruang hati, menghalang cahaya petunjuk-Mu daripada sampai ke jiwa. Betapa diri ini sedar, maksiat itu adalah dosa, dan dosa balasannya neraka. Namun dosa juga yang menjadi pakaian diri. Munafikkah diri ini? Hanya kepada-Mu aku menyerahkan urusan ini, semoga aku dipermudahkan untuk mendidik diri dan menyucikan jiwa.



اللهم آتِنِي فِي تَقْوَاهَا ،
وَزِكْرِهَا ، أَنْتَ خَيْرُ مَنْ زَكَّاهَا ،
أَنْتَ وَلِيْهَا وَمَوْلَاهَا

*“Ya Allah,
kurniakanlah
kepada jiwaku
ketakwaannya.
Sucikanlah
ia (kerana)
Engkaulah
sebaik-baik yang
menyucikan.
Engkaulah yang
menguasainya
dan tuan
kepadanya”*

UTeM Di Dada Akhbar



UPCOMING EVENTS



MEDIA
SOSIAL
UTeM

www.utem.edu.my



scan this!





SALAM AIDILFITRI 1436H

MAAF ZAHIR & BATIN



Dengan Ingatan Tulus Ikhlas:
PEJABAT NAIB CANSELOR
&
PEJABAT PENGURUSAN & PERHUBUNGAN CANSELORI